

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN NO. 126

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memberi pelarian dan pemohon suaka dengan status undang-undang dan pengiktirafan yang wajar serta membangunkan rangka kerja undang-undang yang komprehensif untuk mengenal pasti dan melindungi mereka, sejajar dengan piawaian antarabangsa.

JAWAPAN

1. Pada ketika ini, Malaysia bukanlah Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967. Justeru, Malaysia tidak tertakluk kepada mana-mana perkara dan peruntukan di dalam kedua-dua instrumen antarabangsa ini. Pada masa ini, dasar-dasar sedia ada negara ke atas pelarian yang memegang kad UNHCR termasuk etnik Rohingya, Myanmar adalah seperti berikut:

a. Pelarian bebas bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara. Walau bagaimanapun, pelarian ini hanya dibenarkan berada di Semenanjung sahaja. Ini adalah kerana kad UNHCR bukanlah dokumen perjalanan yang sah;

b. Pelarian tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip '*non-refoulement*' melainkan secara sukarela

SOALAN NO. 126

(*voluntary return*). “Pelarian” tersebut perlu membuktikan bahawa nyawa mereka terancam sekiranya dihantar pulang ke negara asal;

c. Pelarian mendapat akses kemudahan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat;

d. Anak-anak pelarian mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di sekolah swasta yang dikendalikan oleh pihak NGO, komuniti pelarian dan UNHCR; dan

e. Pelarian dibenarkan bekerja dalam sektor tidak formal seperti bekerja sendiri bagi tujuan sara hidup.

2. Walau bagaimanapun, hak-hak dan keistimewaan tersebut bukanlah suatu hak yang mutlak. Ia diberikan oleh Kerajaan Malaysia atas dasar kemanusiaan dan berdasarkan ‘*case by case basis*’ selaras dengan perundangan, peraturan dan dasar yang berkuat kuasa. Sekiranya pelarian ini terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah, tiada perlindungan akan diberikan kerana mereka juga tertakluk kepada semua undang-undang negara yang berkuat kuasa.